



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**“PENDIDIKAN ANTIRASUAH SEBAGAI ASAS NILAI
MAHASISWA: SUATU TINJAUAN KUALITATIF DI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS”**

*“ANTI-CORRUPTION EDUCATION AS THE FOUNDATION OF STUDENT
VALUES: A QUALITATIVE STUDY AT UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS”*

Nor Hafizan Habib Sultan^{1*}, Siti Balkis Mohamed Ibrahim², Siti Norayu Mohd Basir³, Mohd Arsad Johanis⁴

¹ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: norhafizan@unimap.edu.my

² Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: sitibalkis@unimap.edu.my

³ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: norayu@unimap.edu.my

⁴ Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis
Email: mohdarsad@unimap.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.07.2025

Revised date: 07.08.2025

Accepted date: 09.09.2025

Published date: 15.10.2025

To cite this document:

Habib Sultan, N. H., Ibrahim, S. B. M., Basir, S. N. M., & Johanis, M. A. (2025). “Pendidikan Antirasuah Sebagai Asas Nilai Mahasiswa: Suatu Tinjauan Kualitatif Di Universiti Malaysia Perlis”. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 516-536.

DOI: 10.35631/IJMOE.727032

Abstrak:

Pendidikan antirasuah memainkan peranan penting dalam memupuk budaya integriti dalam kalangan mahasiswa, namun keberkesanannya banyak bergantung pada tahap kefahaman, penghayatan dan pengalaman pelajar. Kajian ini bertujuan meneroka bagaimana pelajar universiti mentafsir pendidikan antirasuah sebagai asas pembentukan nilai moral, etika dan integriti dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan diperingkat institusi pengajian tinggi, terdapat jurang pemahaman mendalam terhadap bagaimana nilai ini diinternalisasi oleh mahasiswa. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kes melibatkan 98 pelajar dari pelbagai fakulti di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Data diperolehi melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian mendapati pelajar memahami pendidikan antirasuah melalui empat dimensi utama: (i) pengalaman pembelajaran dan pendedahan mahasiswa, (ii) pembentukan nilai moral dan etika (iii) usaha sisematik masyarakat (iv) panduan kehidupan dalam menghadapi cabaran profesional. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman lebih holistik mengenai pendidikan antirasuah dalam kalangan pelajar

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



universiti, serta memberi implikasi penting terhadap reka bentuk dasar pendidikan tinggi. Penemuan ini menggesa pendekatan pengajaran yang lebih kontekstual dan reflektif dalam menyemai nilai integriti serta memastikan pendidikan antirasuah bukan sekadar pengisian kurikulum, tetapi sebagai alat transformasi karakter generasi muda.

Kata Kunci:

Pendidikan Antirasuah, Integriti, Nilai Moral, Mahasiswa Universiti, Pendekatan Kualitatif.

Abstract:

Anti-corruption education plays a vital role in fostering a culture of integrity among university students; however, its effectiveness largely depends on the level of students' understanding, internalisation, and lived experience. This study aims to explore how university students interpret anti-corruption education as a foundation for developing moral, ethical, and integrity-based values in their personal and professional lives. Although various initiatives have been implemented at the higher education level, there remains a gap in understanding how these values are internalised by students. This research employed a qualitative case study approach involving 98 students from various faculties at Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Data were collected through semi-structured interviews and analysed using thematic analysis. The findings reveal that students understand anti-corruption education through four main dimensions: (i) learning experiences and student exposure, (ii) the development of moral and ethical values, (iii) systematic societal efforts, and (iv) guidance for navigating professional challenges. This study contributes to a more holistic understanding of anti-corruption education among university students and has important implications for the design of higher education policies. The findings call for a more contextual and reflective teaching approach in instilling integrity values, ensuring that anti-corruption education is not merely a curricular component, but a transformative tool for shaping the character of the younger generation.

Keywords:

Anti-corruption Education, Integrity, Moral Values, University Students, Qualitative Approach

Pengenalan

Rasuah merupakan isu global yang mengancam pembangunan, melemahkan institusi dan menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, usaha membanteras rasuah bukan sahaja tertumpu kepada penguatkuasaan undang-undang, malah menuntut pendekatan pendidikan nilai yang menyeluruh. Pendidikan antirasuah di institusi pengajian tinggi menjadi salah satu strategi utama dalam membina generasi mahasiswa yang berintegriti dan bertanggungjawab. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang menilai secara mendalam bagaimana pelajar universiti memahami, menghayati dan menginternalisasi nilai-nilai antirasuah dalam kehidupan harian mereka. Dalam banyak keadaan, keberkesanan pendidikan ini sukar dinilai tanpa pendekatan yang menyelami pengalaman sebenar pelajar. Kursus atau pendidikan antirasuah kini dianggap sebagai strategi awal yang penting dalam membina jati diri dan akhlak mahasiswa yang bebas daripada elemen salah guna kuasa dan

penyelewengan pada masa hadapan. Hal ini kerana mahasiswa merupakan tunjang kepimpinan masa hadapan.

Sebagai tindak balas terhadap keperluan membina sistem nilai pelajar secara sistematik, Universiti di Malaysia telah memperkenalkan beberapa inisiatif kurikulum yang berfokuskan Pendidikan nilai dan integriti. Kursus atau modul pendidikan antirasuah yang diperkenalkan di institusi pengajian tinggi berfungsi sebagai platform awal untuk memperkenalkan isu integriti secara sistematik kepada mahasiswa. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Zulkifli *et al.*, (2023), pendedahan awal melalui kursus integriti terbukti meningkatkan kesedaran pelajar terhadap bentuk, impak, dan mekanisme pencegahan rasuah. Ini membolehkan mereka membina sikap moral yang kukuh dalam menghadapi cabaran etika di alam kerjaya kelak. Tambahan pula, kursus ini bukan hanya menyentuh aspek kognitif semata-mata, malah merangkumi elemen afektif yang membantu pelajar menginternalisasi nilai-nilai kejujuran, tanggungjawab dan integriti (Abdullah *et al.* 2022).

Kajian lepas banyak menumpukan kepada impak pengetahuan atau keberkesanan program secara umum, namun masih kurang penyelidikan yang meneliti bagaimana pelajar mentafsir pendidikan ini dalam konteks pengalaman peribadi mereka. Hal ini penting bagi mengenal pasti sejauh mana nilai-nilai antirasuah benar-benar membentuk jati diri pelajar. Justeru, penjelajahan terhadap bagaimana mahasiswa memahami dan menghayati pendidikan antirasuah adalah penting untuk menilai keberkesanan kursus ini dari sudut pandangan pembentukan akhlak dan sistem nilai peribadi yang jitu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi menyelami makna yang diberikan dan perspektif mahasiswa terhadap kursus atau pendidikan antirasuah dan bagaimana pendedahan ini membentuk nilai moral mereka sebagai bakal pemimpin dan profesional masa hadapan.

Latar Belakang Kajian

Berdasarkan latar keprihatinan terhadap penularan rasuah dalam masyarakat dan perlunya pendidikan nilai sejak awal, pelbagai dasar telah dilaksanakan bagi menginstitusikan pendidikan antirasuah di institusi pengajian tinggi. Kursus atau pendidikan antirasuah kini menjadi agenda utama dalam usaha membina budaya integriti dan tadbir urus yang telus di Malaysia. Usaha ini diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, yang memperakui pentingnya pendidikan sebagai benteng utama mencegah rasuah bagi konteks aplikasi jangka panjang. NACP menggariskan keperluan memperluas pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti diperingkat akar umbi, terutamanya melalui sistem pendidikan tinggi yang memainkan peranan strategik dalam membentuk kepimpinan masa depan negara (SPRM, 2023).

Susulan daripada pelan ini, beberapa universiti awam termasuk Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan modul integriti dan pendidikan antirasuah, Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai kursus teras. Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberikan kesedaran awal kepada mahasiswa berkenaan bentuk-bentuk rasuah, kesannya terhadap masyarakat dan negara, serta tanggungjawab individu dalam menolak amalan korupsi (Zulkifli *et al.*, 2023). Melalui pendekatan ini, mahasiswa dididik bukan sahaja untuk mengenal pasti perbuatan rasuah, tetapi turut diajak untuk membangunkan sistem nilai yang menjunjung prinsip kejujuran, akauntabiliti dan ketelusan. Dalam kursus KIAR ini juga diberi pendedahan konsep rasuah

tidak semestinya dalam bentuk wang tunai tetapi lebih dari itu, sebagai contoh konteks pemberian hadiah, perbelanjaan yang ditawarkan dan bentuk manfaat lain yang tidak wajar.

Walau bagaimanapun, realiti pelaksanaan pendidikan antirasuah di universiti menunjukkan berlakunya jurang antara kandungan kursus dan internalisasi nilai oleh pelajar. Kajian oleh Tan *et al.* (2022) mendedahkan bahawa ramai mahasiswa mengikuti kursus berkenaan sebagai keperluan akademik tanpa penghayatan emosi atau refleksi nilai yang mendalam. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada pendidikan antirasuah yang dilaksanakan benar-benar berjaya membentuk sistem nilai pelajar secara mendalam atau hanya sekadar keperluan akademik semata-mata. Hal ini diberi penekanan oleh kajian Othman *et al.* (2024) menyatakan bahawa keberkesanan kursus antirasuah dalam membentuk akhlak pelajar sangat bergantung kepada kebolehan modul tersebut merangsang pemikiran moral dan perkembangan keinsafan etika. Ini menuntut satu pendekatan pedagogi yang lebih bersifat reflektif, berpusatkan pelajar dan berbentuk kajian kes yang menyentuh dilema sebenar yang mungkin mereka hadapi dalam kerjaya kelak. Kursus antirasuah yang terlalu berorientasikan teori dan hafalan semata-mata tidak akan mampu menyemai rasa tanggungjawab moral yang berkekalan dalam diri pelajar.

Di UniMAP, pihak universiti telah menyediakan ruang untuk kajian sedemikian kerana latar belakang pelajarnya yang terdiri daripada pelbagai fakulti teknikal serta pendedahan kepada dunia industri sejak awal pengajian. Persekitaran ini membentuk dinamika tersendiri terhadap bagaimana pelajar menangani isu integriti dan tanggungjawab sosial. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjelajahi dengan lebih mendalam bagaimana perspektif pelajar UniMAP mentafsir dan menghayati pendidikan antirasuah sebagai asas pembentukan nilai dan akhlak mereka, sama ada dalam kehidupan seharian sebagai mahasiswa mahupun dalam persiapan memasuki alam kerjaya.

Kajian ini bukan sahaja menjawab keperluan akademik, malah menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang impak sebenar pendidikan antirasuah dalam konteks mahasiswa Malaysia. Analisis kajian ini diharap dapat memberikan input kepada pihak universiti dan pembuat dasar pendidikan tinggi untuk menambah baik kandungan serta pendekatan penyampaian kursus integriti agar lebih kontekstual, menyentuh nilai peribadi dan mampu membentuk keinsafan moral jangka panjang dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, wujud keperluan untuk meneliti secara lebih mendalam bagaimana pelajar mentafsir pengalaman mereka dalam pendidikan antirasuah, khususnya dalam konteks universiti teknikal yang menawarkan pelbagai latar belakang akademik dan pendekatan pembelajaran.

Kajian Literatur

Pendidikan Nilai dan Etika dalam Kalangan Mahasiswa

Pendidikan nilai dan etika dalam kalangan mahasiswa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha membina generasi yang berintegriti, bertanggungjawab, serta seimbang dari segi sahsiah dan keperibadian (Mardiah Hafizah *et al.*, 2024). Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, penanaman nilai ini tidak hanya terbatas kepada pengajaran kandungan akademik, tetapi turut merangkumi pembangunan akhlak dan jati diri mahasiswa sebagai bakal pemimpin masa hadapan. Hal ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menggariskan keperluan melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Sehubungan itu, beberapa kajian akademik telah dijalankan untuk meneliti bagaimana konsep nilai, etika dan integriti diterapkan secara efektif dalam sistem pengajian tinggi. Antara dapatan penting dalam perbincangan ini ialah kajian oleh Maizura Yasin *et al.* (2021) yang meneliti peranan pendidikan moral dalam membentuk karakter dan tingkah laku pelajar. Kajian tersebut menekankan bahawa nilai-nilai seperti kejujuran, rasa hormat, empati, dan tanggungjawab harus dijadikan teras utama dalam proses pembelajaran agar dapat menyokong perkembangan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Apabila nilai ini disepadukan dalam pengalaman pembelajaran sama ada secara formal melalui kursus atau tidak formal melalui aktiviti kampus ia berupaya memperkukuh pemikiran etika serta meningkatkan kesedaran sosial mahasiswa.

Keperluan integrasi pendidikan etika secara sistematik dalam institusi pengajian tinggi. Walaupun melibatkan pengajian dalam bentuk maya (Mohd Isa *et al.*, 2008) melalui analisis terhadap pelaksanaan yang berjalan secara e-learning. Mereka menyimpulkan bahawa keberkesanan pendidikan nilai dan etika sangat bergantung kepada komitmen pensyarah, kesesuaian kaedah pedagogi dan penilaian berasaskan refleksi diri. Kajian ini menegaskan bahawa pendidikan etika tidak boleh bersifat teori semata-mata, sebaliknya mesti dikaitkan dengan realiti semasa dan pengalaman pelajar (Maizura Yasin *et al.*, 2021).

Pendidikan sivik dan etika dapat dalam membentuk tanggungjawab sosial mahasiswa (Khalidah Khalid Ali *et al.*, 2014). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan program kepimpinan pelajar dapat memupuk rasa keprihatinan dan semangat komuniti. Kedudukan pendidikan nilai dalam kerangka Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi mewujudkan keharmonian antara jasmani, intelek, rohani dan insaniah. FPK menekankan bahawa visi untuk melahirkan insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani hanya dapat direalisasikan melalui pendekatan pendidikan nilai yang holistik (Maizura Yasin, *et al.*, 2021). Nilai teras FPK dimantapkan dalam semua mata pelajaran umum di universiti agar lebih konsisten dan menyeluruh.

Isu dilema etika dalam kalangan remaja dan menggesa kepada keperluan mendesak pendidikan berasaskan nilai (Khalidah Khalid Ali *et al.*, 2014). Tekanan rakan sebaya, materialisme dan media sosial menjadi cabaran besar terhadap nilai murni dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pendidikan nilai dilihat sebagai benteng moral yang mampu memperkukuh jati diri pelajar dalam menghadapi perubahan zaman. Pendidikan nilai dan etika dalam institusi pengajian tinggi bukan sahaja menyumbang kepada pembentukan integriti peribadi, malah turut memberi impak terhadap kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan (Mardiah Hafizah *et al.*, 2024). Untuk memastikan kejayaan jangka panjang, usaha memperkukuh pendidikan nilai perlu dilaksanakan secara berstruktur dan menyeluruh dalam dasar pendidikan tinggi negara. Banyak kajian menyokong pendidikan nilai penting untuk mahasiswa, tetapi kurang yang membincangkan secara empirik bagaimana pelajar menginternalisasi nilai tersebut melalui pengalaman pembelajaran sebenar.

Pendidikan Antirasuah sebagai Intervensi Nilai

Faktor berlakunya rasuah antaranya adalah disebabkan integriti moral yang lemah dan kurang memahami nilai etika dan kejujuran dalam kehidupan seharian (Nyayu Soraya *et al.*, 2025). Oleh itu, usaha pencegahan rasuah bukan sahaja boleh dilakukan melalui peraturan perundangan, tetapi juga melalui pendekatan pendidikan yang menyemai kesedaran moral sejak kecil lagi. Pendidikan berperanan sebagai medium yang signifikan dalam membentuk generasi berintegriti dan berakauntabiliti. Dalam konteks membanteras gejala rasuah yang kian

berleluasa, pendekatan kerajaan telah diterjemahkan melalui pengintegrasian elemen antirasuah dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum diperingkat sekolah serta institusi pengajian tinggi (Hadijah Johari *et al.*, 2024). Pendidikan antirasuah ini bukan sekadar menyampaikan maklumat berkaitan kesalahan jenayah, tetapi turut berperanan dalam memupuk nilai etika, tanggungjawab sosial dan kesedaran sivik dalam kalangan pelajar.

Inisiatif ini menjadi asas penting dalam membina budaya integriti yang lestari dalam kalangan generasi muda, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang bebas daripada budaya rasuah (Hadijah Johari *et al.*, 2024). Inisiatif ini merupakan strategi jangka panjang yang berkesan dalam usaha mencegah dan membanteras jenayah rasuah, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Melalui pendidikan, nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan tanggungjawab sosial dapat diterapkan sejak di bangku sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Pendidikan antirasuah perlu digarap secara sistematik melalui kurikulum formal yang diwujudkan khusus untuk membina budaya integriti dalam kalangan mahasiswa (Hadijah Johari *et al.*, 2024). Pelaksanaan KIAR yang dibangunkan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa universiti awam adalah antara inisiatif yang dilakukan dalam membina budaya integriti dalam kalangan mahasiswa (Hadijah Johari *et al.*, 2024). Modul ini dilihat sebagai platform penting untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu rasuah melalui pendekatan berasaskan nilai dan perbincangan etika. Pendidikan antirasuah harus dilihat bukan sekadar sebagai pengisian ilmu, tetapi sebagai proses berterusan yang membentuk cara fikir, nilai dan tindakan generasi akan datang.

Meskipun pelbagai program kesedaran seperti Jom Cegah Rasuah telah dijalankan, ketiadaan satu kerangka kurikulum yang konsisten menyebabkan keberkesanan pendidikan ini sukar dinilai secara objektif. Isu yang dibangkitkan adalah kurangnya latihan dalam kalangan tenaga pengajar untuk menyampaikan topik antirasuah secara berkesan, yang sekaligus menjejaskan impak pendidikan nilai tersebut. Kesiediaan pensyarah untuk mengajar kursus pencegahan rasuah bergantung kepada pengalaman terdahulu, Latihan dan persepsi tentang kepentingan kursus (Suparman, R., *et al.*, 2024). Wujud keperluan untuk merangka pendekatan yang lebih holistik dan kontekstual yang menggabungkan kurikulum formal, aktiviti luar kelas, serta sokongan institusi.

Pendidikan antirasuah dari sudut kurikulum dan kokurikulum dalam pembangunan karakter mahasiswa (Sujadi, E., *et al.*, 2022). Antara aktiviti yang dapat dibangunkan adalah penglibatan dalam aktiviti kampus seperti debat, kepimpinan dan kesukarelawanan telah menunjukkan korelasi positif terhadap sikap menolak rasuah dalam kalangan pelajar. Ini membuktikan bahawa pendekatan pendidikan antirasuah tidak seharusnya terhad kepada bilik kuliah semata-mata tetapi perlu diperkukuh dengan pembelajaran berasaskan pengalaman (Nyayu Soraya *et al.*, 2025). Namun begitu, kajian ini tidak menjelaskan secara empirikal mekanisme pengukuran perubahan tingkah laku mahasiswa secara berterusan.

Pendidikan antirasuah di IPT muncul sebagai strategi penting untuk menyemai integriti generasi muda. Pendidikan ini bukan sahaja menyampaikan maklumat tentang kesalahan rasuah, tetapi juga memperkukuh nilai moral dan tanggungjawab sosial (Zulkifli *et al.*, 2023).

Pelaksanaan KIAR di beberapa universiti termasuk UniMAP menjadi asas sistematik untuk mendidik pelajar tentang bahaya rasuah melalui modul nilai dan etika. Namun, beberapa kajian mengkritik kekurangan latihan pensyarah dan ketidakselarasan pendekatan antara institusi (Zulkifli *et al.*, 2023). Tambahan pula, Tan *et al.* (2022) menekankan bahawa ramai pelajar mengikuti kursus KIAR secara pasif dan semata-mata untuk lulus. Kajian oleh Mohamad Zohri *et al.* (2021) pula mencadangkan pendekatan berasaskan pengalaman, simulasi dan aktiviti komuniti untuk membina kesedaran rasuah yang lebih mendalam. Walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenal, masih belum jelas bagaimana pendidikan ini benar-benar membentuk kepercayaan dan nilai yang kekal dalam diri pelajar.

Jurang dan Keperluan Penyelidikan lanjut

Kajian tempatan seperti oleh Tan *et al.* (2022) serta Abdul Halim *et al.* (2021) menunjukkan pelajar IPT cenderung mengikuti kursus antirasuah hanya untuk memenuhi syarat akademik, bukan kerana internalisasi nilai. Kajian-kajian ini menekankan pentingnya elemen reflektif, dialog nilai dan simulasi situasi sebenar agar pelajar mampu memahami dilema etika yang mungkin mereka hadapi kelak. Walaupun terdapat banyak kajian tentang keberkesanan pendidikan antirasuah, masih kurang penyelidikan yang menyelami pandangan pelajar sendiri tentang makna pendidikan ini dan bagaimana ia diterjemahkan dalam kehidupan mereka. Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan temubual reflektif.

Teori Struktural Fungsionalisme sebagai Kerangka Analisis

Kajian ini berasaskan Teori Struktural Fungsionalisme, yang diperkenalkan oleh Emile Durkheim dan dikembangkan oleh Talcott Parsons. Teori ini menekankan bahawa setiap institusi sosial memainkan peranan tertentu dalam mengekalkan keseimbangan masyarakat. Dalam konteks pendidikan, Durkheim (1956) menekankan bahawa pendidikan moral berfungsi membina kesedaran kolektif iaitu norma dan nilai bersama yang membentuk asas kestabilan sosial. Parsons (1961) pula memperluaskan konsep ini melalui kerangka *AGIL* (*Adaptation, Goal Attainment, Integration, Latency*), di mana pendidikan berfungsi khususnya dalam aspek Integrasi (menyatukan nilai sosial) dan Latensi (mengekalkan budaya dan nilai moral dari generasi ke generasi).

Dalam konteks pendidikan antirasuah, kursus KIAR dan aktiviti sokongan lain dapat dilihat sebagai mekanisme formal dan tidak formal yang menyumbang kepada fungsi nyata (manifest) penyampaian ilmu tentang rasuah dan undang-undang serta fungsi tersembunyi (latent) pembentukan sikap, nilai moral dan kesedaran sivik (Abdullah *et al.*, 2022; Chong *et al.*, 2022).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menyelami pengalaman, pandangan dan makna subjektif mahasiswa terhadap Pendidikan antirasuah secara mendalam dan kontekstual. Berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang cenderung bersifat umum dan terhad kepada soal selidik, kaedah kualitatif memberi ruang kepada pemahaman naratif dan reflektif yang lebih kaya daripada informan kajian. Kajian kes dipilih kerana kajian ini memberi tumpuan kepada konteks institusi pengajian tinggi yang tertentu bagi memahami secara mendalam bagaimana

pendidikan antirasuah dan integriti dilaksanakan dan diterima oleh pelajar. Justifikasi pemilihan kaedah kualitatif berdasarkan kepada matlamat kajian untuk memahami persepsi subjektif, pengalaman serta makna yang dikongsi oleh informan terhadap pendidikan antirasuah. Kaedah ini memberi ruang kepada penyelidik untuk meneroka fenomena sosial dalam konteks sebenar yang tidak dapat dicapai melalui pendekatan kuantitatif (Merriam *et al.* 2016).

Persampelan

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan bagi memilih informan kajian yang mempunyai pengalaman langsung dengan Pendidikan Integriti dan Antirasuah di Institusi Pengajian Tinggi. Kriteria utama pemilihan informan adalah mereka yang telah mengikuti KIAR di UniMAP sebagai sebahagian daripada usaha pendidikan integriti dalam kalangan mahasiswa.

Seramai 98 orang mahasiswa dari pelbagai fakulti di UniMAP telah dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria pemilihan informan merangkumi pelajar dari tahun pertama hingga tahun tiga yang melibatkan 10 program berbeza daripada empat Fakulti. Informan diwakili oleh kedua-dua jantina dan pelajar tempatan. Majoriti informan berusia antara 19 hingga 24 tahun. Kepelbagaian latar belakang akademik dan jantina turut diambil kira untuk memastikan data yang diperoleh bersifat pelbagai perspektif. Pemilihan ini membolehkan penyelidik memperoleh kepelbagaian pandangan dalam mengenal pasti pola tema yang konsisten berkaitan pengalaman dan persepsi pelajar. Pemilihan informan berdasarkan penyertaan dalam kursus ini membolehkan penyelidik meneliti secara lebih mendalam persepsi serta pengalaman pelajar yang telah terdedah secara formal kepada modul antirasuah dan integriti. Di samping itu, komposisi informan mengambil kira kepelbagaian dari segi jantina, latar belakang akademik dan penglibatan kokurikulum bagi memastikan pelbagai pandangan dapat direkodkan secara holistik (Patton, 2002).

Kaedah Penyelidikan dan Pengumpulan Data

Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur menggunakan panduan temu bual yang dibina berdasarkan objektif kajian dan disemak oleh pakar bidang untuk memastikan kesesuaian soalan. Soalan-soalan terbuka digunakan bagi membolehkan informan berkongsi secara bebas mengenai penghayatan mereka terhadap Pendidikan antirasuah dan nilai-nilai yang berkaitan. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan secara dalam talian (*google meet*) bergantung kepada ketersediaan informan. Temubual telah dirakam menggunakan pita rakaman dengan kebenaran informan. Proses pengumpulan data berlangsung selama sebulan bermula pada bulan April hingga Mei 2025. Setiap sesi temubual bersama informan berlangsung antara 30 hingga 60 minit. Selain itu, penyelidik juga menggunakan nota lapangan bertujuan untuk merekodkan data sokongan melalui pemerhatian semasa kerja lapangan dilakukan.

Justifikasi Saiz Sampel dan Ketepuan Data (Data Saturation)

Pemilihan seramai 98 orang informan adalah berasaskan prinsip ketepuan data (*data saturation*), iaitu apabila maklumat yang dikumpul menunjukkan corak dan tema yang berulang serta tidak menghasilkan maklumat baharu yang signifikan (Guest, *et al.*, 2006). Meskipun lazimnya kajian kualitatif menggunakan sampel yang lebih kecil, bilangan yang besar dalam kajian ini adalah selari dengan keperluan untuk mewakili pelbagai konteks KIAR

merentasi pelbagai fakulti dan latar belakang pelajar di UniMAP. Pendekatan ini memperkukuh kebolehpercayaan dapatan dan ketekalan tema yang dianalisis.

Analisis Data

Rakaman temu bual ditranskrip secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis tematik berdasarkan kaedah Braun *et al.*, (2006), yang merangkumi enam fasa: (i) pembacaan data secara menyeluruh, (ii) pengekodan awal, (iii) pencarian tema, (iv) semakan tema, (v) penamaan tema dan (vi) pelaporan dapatan secara naratif. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema utama yang mencerminkan dimensi pembentukan nilai dalam kalangan pelajar. Validiti kajian ditingkatkan melalui kaedah triangulasi data dan semakan rakan penyelidik (*peer debriefing*).

Etika Penyelidikan

Dari segi etika penyelidikan, semua peserta diberikan borang persetujuan dimaklum (*informed consent*) dan dimaklumkan bahawa identiti mereka akan dirahsiakan. Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan sosial termasuk kerahsiaan data, kebebasan menyertai atau menarik diri, serta penggunaan data hanya untuk tujuan akademik dan penyelidikan.

Dapatan Kajian

Latar belakang dan Pengalaman Akademik Informan

Bahagian ini membentangkan dapatan yang diperoleh daripada temu bual separa berstruktur bersama 98 orang pelajar daripada pelbagai fakulti. Analisis tematik menghasilkan empat tema utama yang berkait rapat dengan objektif kajian iaitu untuk meneroka bagaimana pendidikan antirasuah membentuk nilai dan pandangan mahasiswa terhadap integriti dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka. Tema pertama yang muncul daripada analisis data ialah pengalaman awal dan latar belakang akademik mahasiswa yang membentuk asas pemahaman mereka terhadap pendidikan antirasuah. Dapatan menunjukkan bahawa variasi latar belakang dari segi fakulti, tahun pengajian dan pengalaman pembelajaran memainkan peranan penting dalam tahap kesedaran dan penghayatan nilai integriti.

Peringkat Pengajian dan Tahap Pendedahan

Pendidikan antirasuah dalam kalangan informan yang merupakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan salah satu pendekatan penting dalam membentuk generasi yang berintegriti dan bertanggungjawab. Berdasarkan dapatan kajian ini, pelajar yang ditemu bual sebagai informan kajian terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik, merangkumi tahun satu hingga tahun tiga. Seramai 98 orang informan kajian yang terdiri daripada 50 pelajar perempuan dan 48 pelajar lelaki merangkumi empat kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Pelajar tahun pertama dilihat masih berada pada tahap pengenalan awal terhadap konsep rasuah dan integriti. Mereka baru sahaja mengikuti kursus KIAR dan menunjukkan minat yang tinggi terhadap isu tersebut, walaupun penghayatan mereka bersifat asas.

“Saya dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, semester satu. Baru je mula belajar pasal topik ni, rasanya sangat berguna sebab ia bukan sekadar untuk belajar, tapi untuk hidup.” (Informan, Tahun 1).

Pernyataan ini menunjukkan bahawa walaupun mereka masih diperingkat awal pembelajaran, terdapat kesedaran tentang kepentingan nilai integriti dalam kehidupan peribadi. Ini selari dengan dapatan Abdullah *et al.* (2021) yang menekankan keperluan pendedahan nilai integriti sejak awal pengajian bagi membentuk asas moral yang kukuh.

Sebaliknya, pelajar tahun ketiga yang telah melalui beberapa semester kursus dan program berkaitan integriti menunjukkan pemahaman yang lebih mendalam dan reflektif. Mereka bukan sahaja memahami konsep asas, tetapi juga mampu mengaitkan pendidikan antirasuah dengan konteks kerjaya dan tanggungjawab sosial.

"Saya pernah mengikuti seminar anjuran SPRM dan menghadiri kursus KIAR semester lepas. Apa yang saya belajar ialah bagaimana rasuah boleh menjejaskan integriti sesebuah organisasi dan kepentingan untuk mula membina integriti dari zaman universiti." (Informan, Tahun 3).

Ini menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran yang berterusan dari semester ke semester memberikan impak kumulatif yang positif terhadap penghayatan nilai integriti dalam kalangan pelajar senior. Pernyataan ini menunjukkan bukan sahaja kesedaran, malah refleksi kritikal terhadap kepentingan pendidikan antirasuah dalam kehidupan profesional masa depan. Kajian oleh Chong *et al.*, (2022) menyatakan bahawa pendedahan awal terhadap pendidikan antirasuah boleh meningkatkan keupayaan pelajar menolak budaya rasuah dan membina sistem nilai yang kukuh dalam kerjaya kelak.

Kepelbagaian Fakulti dan Pendedahan Kontekstual

Informan kajian mewakili empat fakulti utama di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) iaitu Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektronik, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik, Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal dan Fakulti Perniagaan & Komunikasi. Setiap fakulti memberikan pandangan yang berbeza berdasarkan pengalaman bidang masing-masing. Pelajar dari fakulti kejuruteraan, misalnya, lebih banyak mengaitkan integriti dengan konteks industri dan profesionalisme, manakala pelajar dari Fakulti Perniagaan & Komunikasi mengaitkannya dengan etika organisasi dan komunikasi awam. Tahun Pengajian berbeza dipilih untuk melihat persepsi pelajar iaitu pelajar tahun satu yang dilihat masih mencari-cari arah kehidupan sebagai pelajar. Manakala pelajar tahun tiga yang sudah melalui beberapa semester penuh cabaran dan pengalaman di kampus. Variasi ini memberikan gambaran holistik tentang pengalaman dan tahap pendedahan mereka terhadap pendidikan antirasuah sepanjang tempoh pengajian.

Kepelbagaian fakulti dan tahun pengajian yang diwakili memberikan peluang untuk memahami sejauh mana subjek berkaitan integriti dan antirasuah telah diperkenalkan secara menyeluruh dalam sistem akademik universiti. Pelajar tahun satu umumnya masih berada dalam fasa pengenalan kepada pendidikan antirasuah, manakala pelajar tahun dua dan tiga menunjukkan tahap pemahaman dan penglibatan yang lebih luas terhadap topik ini. Kepelbagaian konteks ini memperkukuh dapatan bahawa pendekatan pendidikan antirasuah harus bersifat kontekstual dan disesuaikan dengan bidang pengajian. Seperti yang dicadangkan oleh Chevtaeva *et al.*, (2024), pendekatan nilai yang berkesan mestilah mengambil kira latar disiplin agar lebih bermakna dan aplikatif kepada pelajar.

Pendedahan Formal dan Informal

Pendedahan kepada pendidikan antirasuah berlaku bukan sahaja melalui kursus formal seperti KIAR, tetapi juga melalui penyertaan dalam seminar, tugas berbentuk video dan aktiviti kokurikulum. Informan yang terlibat dalam program luar seperti Program Pemantapan Mahasiswa Universiti (PIMU) dan seminar SPRM menunjukkan tahap kesedaran yang lebih tinggi serta keupayaan untuk mentafsir nilai secara kritikal.

“Saya pernah buat tugas video pasal kes rasuah. Masa tu baru faham betul-betul bagaimana rasuah ni bukan isu undang-undang je, tapi melibatkan nilai kita sendiri.”
(Informan, Tahun 2)

Pengalaman ini mencerminkan keberkesanan pendekatan pedagogi berasaskan pengalaman (*experiential learning*) seperti yang disarankan oleh Mohd Noor *et al.*, (2023), yang menekankan bahawa aktiviti pembelajaran aktif membantu pelajar menginternalisasi nilai secara lebih mendalam.

Secara keseluruhan, tema pertama menunjukkan bahawa latar belakang akademik, tahun pengajian dan bentuk pendedahan memainkan peranan penting dalam tahap pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap pendidikan antirasuah. Pelajar junior memerlukan lebih banyak sokongan untuk membina kesedaran asas. Manakala pelajar senior menunjukkan kecenderungan reflektif dan pemahaman nilai yang lebih matang. Dapatan ini menyokong keperluan untuk memperkukuh pendidikan antirasuah secara progresif, kontekstual dan berfasa mengikut tahap pengajian serta bidang masing-masing. Dapatan kajian ini menyokong kerangka teori kajian apabila pelajar tahun pertama masih berada pada tahap pengenalan, sesuai dengan apa yang Parsons sebut sebagai proses sosialisasi *ahli baru*. Mereka baru didedahkan kepada asas nilai integriti dan antirasuah yang berfungsi sebagai fungsi laten dalam meningkatkan kesedaran moral. Manakala pelajar tahun dua dan tiga menunjukkan kefahaman yang lebih reflektif dan matang, mencerminkan fungsi nyata pendidikan apabila nilai yang dipelajari dapat dikaitkan dengan realiti sosial dan cabaran pekerjaan (Mohd Noor *et al.*, 2023; Chong *et al.*, 2022). Perkembangan ini membuktikan bagaimana pendidikan antirasuah mampu mewujudkan kesinambungan nilai yang diperlukan untuk kestabilan masyarakat.

Pengalaman Pembelajaran dan Pendedahan Mahasiswa terhadap Pendidikan Antirasuah.

Tema kedua yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah pengalaman pembelajaran formal dan tidak formal yang diterima oleh mahasiswa berkaitan pendidikan antirasuah. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar menerima pendidikan antirasuah bukan sahaja melalui kursus akademik seperti KIAR, tetapi juga menerusi pelbagai bentuk pendedahan luar bilik kuliah seperti seminar, ceramah, tugas video, forum serta program anjuran SPRM. Walau bagaimanapun, keberkesanan pengalaman ini bergantung kepada pendekatan pengajaran, bentuk penglibatan pelajar dan peluang untuk refleksi nilai. Walaupun tidak semua pelajar mempunyai pengalaman formal yang sama, namun hampir kesemua informan mengakui kepentingan topik ini dalam membentuk nilai integriti peribadi dan profesional.

Pengalaman melalui KIAR

Majoriti informan menyatakan bahawa KIAR memberi mereka pemahaman awal tentang bentuk rasuah, akibatnya, dan peranan institusi seperti SPRM dalam membanteras jenayah tersebut. Kursus ini juga memberi gambaran umum tentang nilai integriti dan etika, namun

keberkesanan pembelajaran bergantung kepada pendekatan pensyarah dan interaksi dalam kelas.

“KIAR banyak berikan pendedahan tentang rasuah, kes yang berlaku, dan kenapa kita kena elakkan. Tapi kadang-kadang bergantung juga pada cara pensyarah ajar, kalau banyak slide je jadi macam teori semata.” (Informan, Tahun 2).

Kenyataan ini mencerminkan bahawa pengajaran yang terlalu berorientasikan ceramah pasif kurang berjaya menghidupkan nilai. Kajian Othman *et al.*, (2024) turut menyatakan bahawa keberkesanan pendidikan nilai memerlukan pendekatan pedagogi yang interaktif, kontekstual dan mampu mencetuskan refleksi pelajar terhadap situasi sebenar. Sebilangan besar informan menyatakan mereka telah mengikuti subjek wajib Universiti iaitu KIAR yang merupakan medium utama pendidikan antirasuah di UniMAP. Melalui kursus ini, pelajar dilatih mengenal pasti bentuk-bentuk rasuah, memahami kerangka undang-undang yang berkaitan dan membina sikap menolak rasuah secara berprinsip.

“Ya, saya telah mengambil subjek wajib universiti, iaitu KIAR. Melalui subjek ini, saya telah didedahkan dengan konsep asas antirasuah, etika profesional dan nilai integriti sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran dalam dunia akademik dan alam pekerjaan.” (Informan, Tahun 1).

Penyataan ini mencerminkan bahawa kursus tersebut bukan sekadar menyampaikan maklumat teori, tetapi berperanan membentuk jati diri pelajar melalui nilai integriti dan etika kerja. Ini sejajar dengan dapatan Mohd Noor *et al.*, (2023) yang menegaskan bahawa pendidikan antirasuah yang diinstitusikan melalui kurikulum formal mampu memberi kesan jangka panjang terhadap pembentukan sikap pelajar dalam kehidupan dan kerjaya mereka.

Seorang informan turut menyatakan beliau pernah mengikuti KIAR. Melalui kursus yang telah diikuti ini beliau dapat pendedahan formal berkaitan dengan konsep integriti, etika dan undang-undang berkaitan dengan SPRM:

“Ya, saya pernah mengikuti kursus Antirasuah yang ditawarkan oleh universiti. Kursus ini memberi pendedahan kepada konsep integriti, etika, serta undang-undang dan langkah-langkah pencegahan rasuah di Malaysia. Selain itu, saya juga pernah menyertai seminar anjuran SPRM yang menekankan kepentingan budaya integriti dalam kalangan pelajar dan bakal pemimpin masa hadapan. Kuliah disini ada diberikan tugas video, ulasan kajian kes. Penting untuk kukuhkan pemahaman pelajar.” (Informan, Tahun 1).

Ini menunjukkan bahawa KIAR telah membuka ruang untuk pemahaman lebih menyeluruh dan reflektif. Walaupun informan pernah mengikuti kursus anjuran SPRM sebelum mengambil KIAR di UniMAP. Tambahan pula, kaedah pembelajaran yang pelbagai berbentuk seperti kuliah, tugas video dan kajian kes mencerminkan pendekatan pedagogi aktif yang lebih berkesan, seperti yang disokong oleh kajian Mohd Noor *et al.*, (2023) yang menegaskan bahawa pendekatan berasaskan pengalaman (*experiential learning*) lebih berkesan dalam pendidikan nilai dan etika.

Selain kursus formal KIAR yang diwajibkan untuk pelajar diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di UniMAP, ada juga informan pernah menyertai seminar dan program anjuran Universiti lain seperti Program Pemantapan Mahasiswa Universiti (PIMU) yang merupakan inisiatif dalaman Universiti yang berkaitan dengan integriti dan pencegahan rasuah. Aktiviti ini biasanya dijalankan secara berkala dalam bentuk ceramah, forum atau sesi dialog bersama tokoh integriti.

“Ada, Program PIMU yang dibuat oleh Program ASAU, tak salah saya di Sarawak bersama UUM” (Informan, Tahun 1).

Program seperti ini menunjukkan komitmen fakulti dalam memperluaskan pendidikan nilai melalui pendekatan pelengkap di luar kuliah. Inisiatif seumpama ini boleh dilihat sebagai pelaksanaan nilai yang menekankan pendidikan nilai secara menyeluruh berasaskan komuniti. Pernyataan ini menunjukkan informan mempunyai pengalaman pendedahan yang lebih mendalam melalui penglibatan dalam kedua-dua bentuk pendidikan formal dan ko-kurikulum. Menurut Chong *et al.*, (2022), penyertaan pelajar dalam aktiviti yang melibatkan agensi luar seperti SPRM memperkukuh lagi kesedaran sivik dan nilai akauntabiliti dalam kalangan pelajar IPT.

Pembelajaran melalui Tugas Kreatif

Tiga orang informan berkongsi bahawa mereka pernah menjalankan tugas berbentuk kreatif seperti menghasilkan video berkaitan rasuah, yang diberikan oleh pensyarah dalam subjek etika atau integriti. Pendekatan ini mencerminkan amalan pedagogi aktif yang mendorong pelajar untuk meneroka isu sosial secara kontekstual.

“Saya pernah menjalankan tugas yang diberikan oleh pensyarah iaitu menghasilkan satu video tentang rasuah.” (Informan, Tahun 1).

Pengalaman ini menggambarkan keberkesanan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) iaitu menurut Abdullah *et al.* (2021), mampu meningkatkan keberkesanan pendidikan nilai kerana pelajar bukan sahaja menerima input pasif tetapi juga bertindak balas terhadap mesej melalui ekspresi kreatif dan kolaboratif.

Integriti sebagai Kesedaran Baharu

Tidak semua informan datang dengan latar belakang yang sudah terdedah kepada pendidikan antirasuah. Ada yang menyatakan bahawa semester semasa ini merupakan pengalaman pertama mereka mendalami isu ini, melalui pengajaran formal yang baru diperkenalkan.

“Tidak pernah sekali lagi, semester ini adalah pertama kali belajar tentang integriti dan antirasuah. Agak menarik juga sebab mempelajari banyak benda yang sepatutnya kena tahu sebelum masuk tempat kerja pada masa yang akan datang.” (Informan, Tahun 1).

Penyataan ini membuktikan bahawa walaupun pelajar tidak mempunyai latar pendidikan awal dalam integriti, pengalaman di Universiti berpotensi mencetuskan kesedaran baharu. Menurut Zainal *et al.* (2023) menyatakan bahawa pendidikan melalui nilai berkesan apabila pelajar dapat mengaitkan isi pengajaran dan pembelajaran dengan keperluan hidup sebenar seperti persediaan menghadapi dilema etika dalam dunia pekerjaan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar UniMAP telah menerima pelbagai bentuk pendedahan terhadap isu integriti dan antirasuah sama ada secara formal melalui KIAR, tidak formal melalui seminar dan tugasan. Selain itu, pendedahan melalui program yang dianjurkan oleh pihak fakulti. Walaupun pengalaman informan berbeza-beza, namun kesemua informan menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan nilai integriti dalam kehidupan peribadi dan profesional. Pendidikan ini bukan sekadar memberi pengetahuan tetapi turut membina sikap bertanggungjawab serta kesediaan moral untuk menolak rasuah dalam apa jua bentuk.

Penilaian Mahasiswa terhadap kepentingan pendidikan antirasuah

Tema ketiga yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah penilaian mahasiswa terhadap kepentingan pendidikan antirasuah. Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan, informan mengakui pendidikan antirasuah memainkan peranan penting dalam membina kesedaran, membentuk nilai dan mempersiapkan mereka menghadapi cabaran etika di alam pekerjaan. Pendidikan antirasuah merupakan salah satu bentuk pendidikan nilai yang semakin diberi penekanan dalam sistem pengajian tinggi di Malaysia. Bagi pelajar-pelajar UniMAP yang terlibat dalam kajian ini, pendidikan antirasuah bukan sekadar satu modul atau kursus wajib, tetapi difahami secara lebih meluas sebagai usaha untuk membina kesedaran, menanam nilai moral dan membentuk jati diri yang berintegriti.

Pendidikan Antirasuah sebagai asas pembentukan nilai moral dan etika

Sebahagian besar informan menyatakan bahawa pendidikan antirasuah telah membuka mata mereka terhadap realiti sosial dan tanggungjawab moral sebagai warganegara. Mereka melihat kursus dan program berkaitan integriti sebagai satu bentuk didikan nilai yang melampaui ruang akademik dan relevan dalam membina keperibadian serta prinsip hidup yang kukuh.

“Pendidikan antirasuah ni macam bagi kesedaran untuk para pelajar tentang rasuah.” (Informan, Tahun 2)

“Pendidikan antirasuah bukan hanya untuk lulus kursus, tapi sebenarnya ajar kita jadi manusia yang lebih bertanggungjawab.” (Informan, Tahun 3).

“pendidikan antirasuah merujuk kepada usaha mendidik individu mengenai bahaya rasuah dan memupuk nilai moral dan etika yang baik seperti kejujuran, bertanggungjawab dan akauntabiliti. (Informan, Tahun 2).

“Pendidikan antirasuah adalah pendidikan yang memahami undang-undang, nilai moral dan etika”(Informan, Tahun 1)

“Ia bertujuan membentuk nilai moral yang tinggi, integriti, dan tanggungjawab dalam kalangan individu”(Informan, Tahun 1).

Pernyataan ini menunjukkan kesedaran pelajar terhadap fungsi pendidikan nilai sebagai asas pembentukan etika diri, bukan sekadar sebagai instrumen pembelajaran kognitif. Dapatan ini menyokong pandangan Mohd Isa *et al.* (2008) dan Abdullah *et al.* (2021) yang menegaskan bahawa pendidikan antirasuah perlu disepadukan dengan pembangunan sahsiah dan nilai jati diri, khususnya dalam kalangan mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Pandangan ini turut mencerminkan fungsi asas pendidikan integriti iaitu untuk membuka minda individu terhadap kewujudan, bentuk dan impak rasuah dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks ini, pendidikan bertindak sebagai bentuk pencegahan sosial melalui pengetahuan. Zainal *et al.* (2023) menyatakan bahawa pendidikan yang menekankan kesedaran nilai dapat membentuk sikap pelajar terhadap amalan beretika dalam jangka panjang.

Pendidikan antirasuah sebagai usaha sistematik masyarakat

Menariknya, segelintir informan yang memahami pendidikan antirasuah sebagai usaha kolektif masyarakat. Mereka menyedari bahawa pendidikan ini perlu dilakukan secara menyeluruh, melibatkan semua lapisan masyarakat dan tidak hanya tertumpu dalam bilik kuliah semata-mata.

“Pendidikan antirasuah merupakan usaha mendidik masyarakat agar memahami, menolak, dan menghindari amalan rasuah dalam semua aspek kehidupan.”
(Informan, Tahun 1).

“Ia ialah usaha sistematik untuk mendidik masyarakat tentang bahaya rasuah, nilai-nilai integriti, dan kepentingan tadbir urus yang baik.” (Informan, Tahun 2).

Kefahaman ini sangat signifikan kerana ia menunjukkan keupayaan informan untuk mengaitkan pendidikan dengan pembentukan budaya sosial. Chong *et al.*, (2022) menyatakan bahawa pelajar yang memahami pendidikan integriti sebagai komponen budaya akan lebih berkemungkinan untuk menjadi agen perubahan dalam komuniti mereka.

Pendidikan Antirasuah Sebagai Panduan Kehidupan Dalam Menghadapi Cabaran Profesional

Sebahagian informan melihat pendidikan antirasuah sebagai panduan kehidupan, terutama dalam menghadapi dunia pekerjaan yang penuh dengan cabaran moral. Mereka menyedari bahawa kefahaman tentang rasuah tidak hanya relevan untuk lulus peperiksaan, tetapi penting dalam menentukan cara hidup dan membuat keputusan yang betul pada masa depan.

“Pendidikan ini bertujuan untuk membentuk nilai moral yang kukuh dan membimbing masyarakat supaya menolak rasuah dalam apa jua bentuk.” (Informan, Tahun 3).

“Mendidik anak muda universiti tentang padah rasuah kepada diri dan keluarga.”
(Informan, Tahun 1).

Mohd Noor *et al.*, (2023) menyatakan bahawa pelajar yang melihat pendidikan nilai sebagai sebahagian daripada latihan kehidupan lebih cenderung mengamalkan etika dalam keputusan masa depan mereka, berbanding mereka yang hanya mempelajarinya secara teoritik.

Secara keseluruhannya, persepsi informan terhadap pendidikan antirasuah dalam kajian ini adalah positif. Mereka tidak hanya memandang pendidikan ini sebagai tanggungjawab universiti semata-mata, tetapi sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang bersih dan berintegriti. Pelbagai definisi yang dikemukakan oleh informan memperlihatkan bahawa nilai-nilai integriti, kejujuran, akauntabiliti dan amanah sudah mula tertanam dalam diri mereka melalui hasil daripada pendekatan pendidikan yang bersifat menyeluruh dan kontekstual. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendidikan antirasuah memberi kesan yang signifikan dalam membentuk kesedaran nilai dan kefahaman pelajar terhadap integriti selaras dengan objektif kajian. Pelajar bukan sahaja memahami konsep rasuah secara teori, malah turut memberi

makna pengalaman tersebut dalam konteks peribadi dan masa depan kerjaya mereka. Tema-tema ini akan dihuraikan secara lebih mendalam dalam bahagian perbincangan.

Analisis Dapatan Kajian

Bahagian ini menganalisis dapatan yang diperoleh berdasarkan empat tema utama yang dikenali melalui temu bual bersama informan. Dapatan ini dinilai secara reflektif dan dikaitkan dengan objektif kajian untuk memahami bagaimana pendidikan antirasuah dalam kalangan mahasiswa. Pertama, tema “pengalaman pembelajaran dan pendedahan mahasiswa” menunjukkan bahawa pendedahan kepada kursus KIAR telah meningkatkan kefahaman asas pelajar terhadap bentuk dan implikasi rasuah. Dapatan ini selari dengan teori struktural fungsional iaitu pendidikan antirasuah KIAR berperanan sebagai mekanisme formal (melalui kurikulum) dan tidak formal (seminar, tugas kreatif, kerjasama dengan SPRM). Mekanisme berganda ini selari dengan prinsip fungsional, di mana fungsi nyata (*manifest*) dan fungsi tersembunyi (*latent*) pendidikan sama-sama menyumbang kepada pembentukan tingkah laku beretika (Braun *et al.*, 2006; Abdullah *et al.*, 2021). Selari dengan dapatan Zulkifli *et al.* (2023) yang menyatakan bahawa pengetahuan awal tentang rasuah perlu dimulakan diperingkat IPT. Peningkatan kesedaran ini penting sebagai asas pembentukan nilai, seperti digariskan dalam teori perkembangan moral oleh Kohlberg yang menekankan fasa awal pemikiran etika melalui interaksi dan pendidikan formal.

Kedua, tema “pemupukan nilai moral dan etika” iaitu pendidikan antirasuah membantu pelajar menginternalisasi nilai sejagat seperti kejujuran, amanah dan tanggungjawab. Fenomena ini dapat dilihat sebagai fungsi nyata (*manifest function*) pendidikan, iaitu menyampaikan pengetahuan dan nilai moral secara eksplisit kepada pelajar (Parsons, 1961). Namun, proses ini tidak terhenti pada tahap kognitif semata-mata. Analisis mendapati pelajar mula mengaplikasikan nilai tersebut dalam kehidupan harian mereka, contohnya dalam membuat keputusan akademik dan hubungan sosial. Hal ini mencerminkan fungsi tersembunyi (*latent function*) pendidikan sebagai agen sosialisasi yang membentuk kesedaran kolektif (Durkheim, 1956). Keadaan ini turut menyokong pandangan Mohamad Zohri *et al.* (2021) bahawa pendidikan nilai yang efektif perlu bersifat reflektif dan kontekstual kerana pendekatan ini membolehkan pelajar memahami nilai bukan sahaja sebagai teori tetapi juga sebagai panduan hidup. Dari perspektif struktural fungsional, nilai integriti yang dipupuk ini bertindak sebagai mekanisme integrasi sosial yang mengikat pelajar kepada norma masyarakat.

Seterusnya, tema ketiga “tanggungjawab kolektif sebagai ahli masyarakat” membuktikan bahawa pelajar mula melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada sistem sosial yang lebih besar serta menyedari peranan mereka dalam membanteras rasuah. Ini menggambarkan fungsi sosial pendidikan yang bukan sekadar membentuk individu beretika tetapi juga melahirkan warganegara yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat (Parsons, 1961). Pendidikan di sini bertindak sebagai mekanisme *goal attainment* dalam teori AGIL Parsons, iaitu menyelaras matlamat individu dengan keperluan masyarakat. Namun, dapatan turut mendedahkan adanya fenomena “*moral action gap*”, di mana sebahagian pelajar walaupun mempunyai kesedaran nilai, masih ragu-ragu untuk bertindak dalam situasi sebenar. Dari sudut teori fungsionalisme menunjukkan bahawa fungsi *laten* pendidikan masih belum sepenuhnya tercapai kerana norma yang difahami belum sepenuhnya diinstitusikan dalam tingkah laku. Ia menandakan perlunya pendekatan pendidikan yang lebih berasaskan pengalaman (*experiential learning*) agar pelajar berani mengaplikasikan integriti dalam realiti sosial.

Tema “Pendidikan antirasuah sebagai usaha sistematis masyarakat” iaitu dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tidak menilai pendidikan antirasuah sebagai usaha individu semata-mata tetapi sebagai proses sistematis yang melibatkan pelbagai lapisan sosial institusi pendidikan, kerajaan, komuniti dan dasar nasional. Kesedaran ini mencerminkan pemahaman pelajar bahawa membanteras rasuah adalah tanggungjawab kolektif, bukan sekadar hasil didikan individu. Dalam kerangka teori struktural fungsional, hal ini dapat dilihat sebagai satu bentuk fungsi integrasi yang menekankan keseimbangan antara struktur sosial. Parsons (1961) menjelaskan bahawa masyarakat yang stabil bergantung pada keberkesanan institusi sosial (seperti sekolah, kerajaan, keluarga dan agama) dalam melaksanakan peranan masing-masing. Pendidikan antirasuah di sini berperanan sebagai mekanisme integrasi yang menyatukan peranan pelbagai institusi ke arah satu matlamat membina masyarakat berintegriti.

Dapatan ini juga selari dengan pandangan Hadijah *et al.* (2024), yang menegaskan pentingnya kolaborasi pelbagai pihak dalam menjayakan pendidikan integriti di institusi pengajian tinggi. Pelajar menyedari bahawa pendidikan nilai akan gagal jika hanya bersifat terpisah atau episodik. Sebaliknya Pendidikan nilai mesti diinstitusikan sebagai sebahagian daripada budaya nasional iaitu satu ciri yang digariskan oleh Durkheim (1956) dalam konsep kesedaran kolektif.

Akhir sekali, tema “panduan kehidupan dalam menghadapi cabaran profesional”. Tema ini memperlihatkan bahawa pelajar menilai pendidikan antirasuah bukan sekadar sebagai satu kursus akademik tetapi sebagai panduan moral dan etika yang dapat dijadikan bekalan sebelum memasuki dunia pekerjaan. Kesedaran ini penting kerana mereka menyedari bahawa cabaran profesional kelak seperti godaan rasuah, konflik kepentingan dan dilema etika memerlukan asas nilai integriti yang kukuh. Dalam kerangka teori struktural fungsional dapatan ini boleh difahami sebagai fungsi *laten* pendidikan (Merton, 1968). Selain fungsi nyata (memberi ilmu dan kemahiran), pendidikan antirasuah juga menjalankan fungsi *laten* dengan membina ketahanan moral (*moral resilience*) yang tidak serta-merta kelihatan tetapi berperanan penting dalam memastikan keseimbangan sosial jangka panjang. Hal ini selari dengan konsep kesedaran kolektif Durkheim (1956) yang menekankan peranan nilai moral dalam mengekalkan keteraturan masyarakat.

Dapatan ini juga selari dengan pendekatan pendidikan berasaskan nilai yang menekankan bukan sahaja pengetahuan tetapi juga pembentukan karakter dan keupayaan pelajar untuk menghadapi dilema etika dalam dunia sebenar (Armstrong, 2019). Tambahan pula kesedaran pelajar bahawa integriti adalah asas kelangsungan karier profesional mereka mencerminkan fungsi integrasi sosial (Parsons, 1961), di mana individu dilatih untuk menyesuaikan diri dengan norma masyarakat dan sistem sosial yang lebih luas. Dengan kata lain, pendidikan antirasuah membantu memastikan bahawa pelajar bukan sahaja dapat menyertai dunia pekerjaan dengan kompetensi teknikal, tetapi juga dengan kesiapsiagaan etika untuk mengekalkan keharmonian sosial.

Dapatan ini menegaskan bahawa pelajar melihat pendidikan antirasuah sebagai sebahagian daripada fungsi sistem sosial secara keseluruhan, bukannya usaha individu. Perspektif ini mengukuhkan kerangka struktural fungsional yang menekankan hubungan timbal balik antara institusi dalam memelihara keseimbangan sosial. Justeru, dapatan ini menyokong keperluan untuk menjadikan pendidikan antirasuah sebagai komponen tetap dalam sistem pendidikan dan kehidupan bermasyarakat agar nilai integriti dapat ditanamkan secara konsisten, sistematis dan berkesinambungan.

Implikasi Penyelidikan dan Cadangan Kajian Masa Hadapan

Pendidikan antirasuah telah menjadi komponen kritikal dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia, terutamanya dalam membentuk generasi muda yang berintegriti dan beretika. Kajian ini, yang mengeksplorasi pemahaman dan penghayatan pelajar UniMAP terhadap pendidikan antirasuah, memberikan implikasi yang signifikan dari sudut teoritis, praktikal dan dasar, serta mencadangkan beberapa arah untuk penyelidikan masa depan yang lebih mendalam. Dari perspektif teori, dapatan kajian ini memperkukuh kerangka pendidikan nilai (*values education*) dengan menunjukkan bahawa pendekatan multidimensi lebih berkesan dalam menanamkan kesedaran antirasuah berbanding kaedah pengajaran konvensional yang berpusatkan kuliah. Pelajar dalam kajian ini memahami pendidikan antirasuah bukan sekadar sebagai pengetahuan tentang bentuk-bentuk rasuah tetapi sebagai satu proses pembentukan nilai yang merangkumi empat dimensi utama iaitu kesedaran awal terhadap bahaya rasuah, pemupukan nilai moral dan etika, tanggungjawab kolektif Masyarakat dan panduan kehidupan dalam menghadapi cabaran kerjaya. Kefahaman holistik ini selari dengan teori *Experiential Learning* melalui kajian Rahmi, W (2024) yang menekankan pembelajaran melalui pengalaman, refleksi dan aplikasi praktikal.

Pada tahap praktikal pula, kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan pendidikan antirasuah sangat bergantung pada pendekatan pengajaran yang digunakan. Pelajar yang terlibat dalam aktiviti interaktif seperti penghasilan video, perbincangan kes dan seminar bersama agensi seperti SPRM menunjukkan tahap penghayatan yang lebih tinggi berbanding mereka yang hanya menerima pembelajaran secara pasif. Implikasinya, institusi pengajian tinggi perlu mengintegrasikan kaedah pedagogi aktif seperti *problem-based learning* (PBL), simulasi etika, dan perbincangan kes dilema moral untuk meningkatkan keterlibatan pelajar (Sumaryati *et al.*, 2022). Selain itu menurut para pengkaji ini lagi, kerjasama dengan pihak luar seperti industri dan badan kerajaan perlu diperluaskan bagi memberikan pendedahan realistik tentang implikasi rasuah dalam konteks profesional. Dari sudut dasar, dapatan kajian menyokong perlunya pelaksanaan pendidikan antirasuah yang lebih sistematik dan bersepadu dalam sistem pendidikan negara (Sumaryati *et al.*, 2022). Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) perlu diperluas bukan sahaja diperingkat universiti tetapi juga di sekolah menengah bagi memastikan penanaman nilai integriti bermula dari peringkat awal. Selain itu, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) perlu mewajibkan penilaian keberkesanan kursus integriti secara berkala melalui instrumen seperti *pre- and post-course ethical awareness assessments* untuk memastikan objektif pendidikan antirasuah tercapai. (Huang, C. H., *et al.*, 2021).

Cadangan untuk Kajian Masa Depan

Berdasarkan batasan dan dapatan kajian ini, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan untuk penyelidikan masa hadapan. Pertama, kajian longitudinal diperlukan untuk menilai keberkesanan pendidikan antirasuah dalam membentuk tingkah laku etika pelajar selepas mereka memasuki alam pekerjaan (Hauser, C., *et al.*, 2020). Menurut para pengkaji ini, pendekatan *tracking study* boleh digunakan untuk menilai sama ada nilai integriti yang dipelajari di universiti kekal relevan dalam konteks kerjaya sebenar. Kedua, kajian perbandingan antara pelajar dari disiplin berbeza (contohnya, kejuruteraan berbanding sains sosial) boleh memberikan pemahaman mendalam tentang bagaimana latar belakang akademik mempengaruhi penerimaan nilai antirasuah (Chevtaeva, N. G., *et al.*, 2024). Pelajar bidang teknikal mungkin memerlukan pendekatan yang lebih berorientasikan aplikasi industri,

manakala pelajar sains sosial mungkin lebih responsif terhadap perbincangan kes sosial dan politik (Chevtaeva, N. G., *et al.*, 2024).

Ketiga, penyelidikan masa depan juga perlu meneroka pengaruh faktor budaya dan sosioekonomi terhadap persepsi pelajar tentang rasuah (Al-Sabah, A., *et al.*, 2025). Adakah latar belakang keluarga, norma masyarakat atau pengalaman peribadi mempengaruhi cara pelajar menghayati pendidikan antirasuah. Kajian kualitatif mendalam dengan informan dari pelbagai latar belakang sosioekonomi boleh memberikan jawapan yang lebih komprehensif (Al-Sabah, A., *et al.*, 2025). Keempat, kajian kuantitatif berskala besar menggunakan instrumen seperti *survey ethics scale* boleh dijalankan untuk mengukur tahap kesedaran antirasuah dalam kalangan pelajar IPT di seluruh Malaysia (Sabir-El-Rayess, A., *et al.*, 2020). Data kuantitatif ini boleh digunakan untuk membandingkan keberkesanan program antirasuah antara universiti dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan program tertentu.

Akhir sekali, penyelidikan eksperimental boleh dijalankan untuk menguji keberkesanan kaedah pengajaran inovatif seperti gamifikasi, *role-playing*, atau *virtual reality ethics simulations* dalam meningkatkan pemahaman pelajar tentang integriti (Shilton, K. *et al.*, 2020). Pendekatan ini boleh memberikan bukti empirikal tentang kaedah pedagogi yang paling berkesan dalam konteks pendidikan antirasuah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan antirasuah dalam kalangan pelajar universiti seperti di UniMAP telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk kesedaran dan kefahaman tentang nilai integriti. Walaupun pelajar datang daripada pelbagai latar belakang fakulti dan tahun pengajian, mereka menunjukkan minat serta kesediaan untuk memahami isu rasuah dengan lebih mendalam apabila diberi peluang dan pendedahan yang sesuai.

Melalui kursus seperti KIAR, serta aktiviti luar bilik kuliah seperti seminar bersama SPRM dan tugas berbentuk kreatif, pelajar bukan sahaja diberi maklumat tetapi juga diajak berfikir secara kritikal dan reflektif. Pelajar tahun satu misalnya, berada dalam fasa awal pengenalan dan mula membina asas kesedaran. Manakala pelajar tahun dua dan tiga sudah mula menunjukkan pemikiran yang lebih matang serta mampu mengaitkan apa yang dipelajari dengan realiti sebenar, terutamanya dalam dunia pekerjaan. Selain sebagai kursus akademik, pelajar melihat pendidikan antirasuah ini sebagai sesuatu yang lebih besar atau satu bentuk panduan hidup dan asas untuk membina masa depan yang bersih dan bertanggungjawab. Ramai yang faham bahawa rasuah bukan sekadar isu undang-undang, tetapi juga melibatkan maruah, amanah dan masa depan masyarakat. Oleh itu, pendekatan pendidikan antirasuah yang dilaksanakan di IPT perlu diteruskan dan diperkukuh dengan kaedah yang lebih menarik dan menyeluruh. Pendidikan ini bukan sahaja tentang lulus peperiksaan, tetapi tentang membina pelajar yang tahu bezanya antara betul dan salah dan berani untuk bertindak dengan prinsip yang kukuh dalam kehidupan mereka nanti.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelajar UniMAP yang mengikuti KIAR pada semester ini atas kesudian mereka menjadi informan kajian serta berkongsi pandangan dan pengalaman secara terbuka dan ikhlas. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, UniMAP atas sokongan dan galakan berterusan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, N. A., Ahmad, A. R., & Halim, M. A. S. A. (2021). *Educating youth on anti-corruption: The role of values and character education in Malaysian higher learning institutions. Journal of Education and Human Development*, 10(1), 15–25.
- Abdullah, R., & Rahman, N. H. A. (2022). Pengaruh pendidikan nilai terhadap pengukuhan integriti pelajar universiti awam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 112–125.
- Al-Sabah, A., Al-Jabri, S., & Al-Sabih, S. (2025). Impact of Anti-Corruption Education Program on Students' Attitudes and Behavior. *International Journal of Educational Narratives*, 3(2), 114-122.
- Armstrong, E. K. (2019). Educating for integrity: The role of higher education in anti-corruption efforts. *International Journal of Educational Integrity*, 15(1), 1–15.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.
- Chevtava, N. G., Bobrova, O. V., & Coll, E. (2024). Academic integrity in the framework of a student's sustainable anti-corruption stance: insights from sociological analysis. *Obrazovanie i Nauka*, 26(10), 131.
- Chong, S. L., & Wong, M. H. (2022). *University students' perceptions on anti-corruption education in Malaysia: A qualitative inquiry. Asian Journal of University Education*, 18(4), 101–116. <https://doi.org/10.24191/ajue.v18i4.20123>.
- Durkheim, É. (1956). *Education and sociology*. The Free Press.
- Hadijah Johari & Anas Suzastri Ahmad, (2024). Kursus Integriti Dan Antirasuah (KIAR): Impak Terhadap Sikap Dan Tingkah Laku Mahasiswa Dalam Menangani Cabaran Rasuah. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK9 2024)*. 1267-1273.
- Hauser, C., & Berenbeim, R. E. (2020). Anti-corruption Education. In *The SAGE Handbook of Responsible Management Learning and Education* (pp. 206-225). SAGE Publications Ltd.
- Huang, C. H., Hsiao, L. H., & Shin-Lin, K. O. (2021). Effect of applying case method to anti-corruption education on learning motivation and learning effectiveness. *Revista de Cercetare si Interventie Sociala*, 73, 276.
- Khalidah Khalid Ali, Rohani Salleh & Mashitah Sabdin. (2014). A Study on the Level of Ethics at a Malaysian Private Higher Learning Institution: Comparison between Foundation and Undergraduate Technical-based Students. *International Journal of Basic & Applied Sciences*, 10(05), 35-49.
- Maizura Yasin, Nur Surayyah Madhubala Abdullah, Samsilah Roslan, Nor Wahiza Abdul Wahat & Norzihani Saharuddin (2021). Values Related to Moral Behavioral Practice in Malay Students Context. *Asian Social Science*, 17 (11), 170-181.
- Mardiah Hafizah Muhammad Hafizi, Nurzatulshima Kamarudin & Nursakinah Mohamad Ibrahim. (2024). Building a Brighter Future: The Crucial Role of Character Education

- in Malaysia's Education System. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 13 (4),43- 49.
- Merton, R. K. (1968). *Social theory and social structure*. Free Press.
- Mohd Isa. P., Jusoff K., & Abu Samah S.A. (2009). Sustenance of Values and Ethics in the Malaysian Higher Education e-Learning Drive. *Asian Social Science*, 4(6), 115-121
- Mohd Noor, A., & Tan, H. B. (2023). *Experiential learning and ethics education: Empowering university students in combating corruption*. *Journal of Moral Education*, 52(2), 174-190. <https://doi.org/10.1080/03057240.2023.2182231>.
- Nyayu Soraya, Maryamah, Syarnubi & Septia Fahiroh (2025). Strategies for Cultivating Anti-Corruption Self-Awareness in Higher Education Learning. *Tadrib: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 11(1), 58-75.
- Othman, S., & Lee, C. M. (2024). Moral reasoning and anti-corruption awareness among university students in Malaysia: A qualitative insight. *Asian Journal of University Education*, 20(2), 88–102.
- Parsons, T. (1961). *The school class as a social system*. In A. H. Halsey (Ed.), *Education, economy and society* (pp. 434–456). Free Press.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Sage Publications.
- Rahmi, W. (2024). Analytical Study of Experiential Learning: Experiential Learning Theory in Learning Activities. *EDUKASIA: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 5(2), 115-126.
- Sabic-El-Rayess, A., & Heyneman, S. P. (2020). Education and corruption. In *Oxford Research Encyclopedia of Education*.
- Shilton, K., Heidenblad, D., Porter, A., Winter, S., & Kendig, M. (2020). Role-playing computer ethics: Designing and evaluating the privacy by design (PbD) simulation. *Science and Engineering Ethics*, 26, 2911-2926.
- Sujadi, E., Yandri, H., Setiawan, M., & Meditamar, M. (2022). Pencegahan korupsi melalui pendidikan karakter: Kebijakan dan praktik di Indonesia, Malaysia dan Singapura. *Jurnal Pendidikan*, No.2 ,133-149.
- Sumaryati, Suyadi, Nuryana, Z., & Asmorojati, A. W. (2022). Anti-corruption action: a project-based anti-corruption education model during COVID-19. In *Frontiers in Education*, 7, 907725).
- Suparman, R., Emmanuel, J., & Yusof, N. (2024). Factors Affecting Lecturers' Willingness and Readiness to Teach the Integrity and Anti-Corruption Compulsory Course. *Journal of Sustainable Development Practice*, 1(2), 19-28.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2023). *Laporan tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2023*. <https://www.sprm.gov.my>.
- Tan, Y. L., & Khalid, M. A. (2022). Reflective Learning in Anti-Corruption Education: Malaysian Student Perspectives. *International Journal of Ethics in Education*, 8(3), 210-223.
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). (2021). Modul Kursus Integriti dan Antirasuah
- Zainal, N. H., Yusof, M. S., & Shahril, M. R. (2023). Building ethical capacity among Malaysian youth: Evaluating the impact of integrity education in higher institutions. *Asian Journal of Integrity and Ethics*, 5(1), 44-58.
- Zulkifli, N. M., Hashim, S. N. M., & Omar, R. (2023). Evaluating the impact of integrity modules on student ethics in Malaysian higher education. *Journal of Moral Education*, 52(4), 567-583.